



Lindungi diri daripada penipu, selamatkan wang anda

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM

PENIPU atau scammer telah wujud sejak sekian lama dan seiring perubahan waktu cara mereka menipu juga semakin licik tambahan pula dengan bantuan teknologi memudahkan lagi kerja mereka untuk memerangkap mangsa. Dengan hanya berbekalkan komputer riba dan telefon pintar, penipu boleh memerangkap mangsa tanpa batasan geografi ataupun masa. Maksudnya, mereka berada di mana-mana sahaja, di dalam mahupun di luar negara.

Betapa liciknya mereka ini, dengan hanya menekan satu pautan, duit anda dalam bank boleh lesap sekelip mata. Bersusah-payah anda menabung bertahun-tahun.

Oleh itu, penting untuk kita sedar dan berjaga-jaga dengan kejahatan penipu supaya tidak terpedaya dengan tipu helah mereka.

Berikut Relevan kongsiakan tujuh langkah untuk melindungi diri daripada menjadi mangsa scammer.

1. Kenal pasti jenis penipuan


Terdapat pelbagai jenis penipuan kewangan seperti penipuan pembayaran mudah alih, menyamar sebagai perekrut pekerjaan, menjerat mangsa dengan cinta, menawarkan pinjaman pendidikan, menyamar sebagai pengutip hutang dan menawarkan pulangan pelaburan yang lumayan.

Penipu juga menyamar sebagai ahli keluarga atau kenalan rapat untuk meminta bantuan kewangan atau dengan niat mencuri maklumat peribadi anda.

2. Semak akaun bank anda

Semak kad kredit dan penyata perbankan anda sekurang-kurangnya sekali seminggu dan siasat sebarang caj yang mencurigakan. Walaupun ada satu caj kecil ia boleh membuka 'pintu' kepada penipu untuk mencuri duit anda dan menjadi petanda permulaan masalah yang lebih besar pada masa akan datang.

Oleh itu, bertindak segera jika anda mendapati ada caj pembayaran yang mencurigakan dari akaun perbankan anda. Hubungi



PENJENAYAH siber mengambil kesempatan disebalik kecanggihan teknologi untuk memerangkap mangsa tanpa ada batasan jarak dan masa. - GAMBAR HIASAN/FREEPIK

institusi kewangan dengan segera dan maklumkan kepada mereka mengenai perkara tersebut.

3. Kata laluan yang kukuh dan kerap ditukar

Adalah penting untuk menggunakan kata laluan yang kukuh supaya akaun dalam talian dilindungi daripada penceroboh. Lebih baik lagi jika anda menukarnya dengan kerap.

Pastikan juga anda tidak menggunakan kata laluan yang sama untuk pelbagai akaun yang lain.

4. Internet yang selamat

Cuba elak menggunakan Wi-Fi awam kerana ia kurang selamat dan boleh menyebabkan anda terdedah kepada penggodam. Jika menggunakan komputer awam seperti di perpustakaan, sentiasa log keluar daripada mana-mana akaun yang anda telah log masuk sebelum meninggalkan tempat itu.

Jika anda membeli-belah dalam talian atau memasukkan apa-apa jenis maklumat sensitif, pastikan anda menggunakan tapak web yang selamat. Begitu juga sambungan Internet.

5. Semak alamat e-mel dan pautan

Penipu sangat bijak untuk menarik orang ramai mengklik pautan berniat jahat.

Mereka menyamar sebagai wakil daripada kerajaan, agensi atau syarikat untuk membuatkan anda

percaya.

Mereka bukan sahaja bijak memperdaya tetapi juga membuat anda rasa terdesak mahu klik pautan tanpa membacanya sepenuhnya.

Sentiasa baca e-mel dan pautan dengan teliti untuk memastikan ia sah. Jika anda tidak pasti, hubungi terus syarikat atau agensi kerajaan terbabit untuk mengesahkan sama ada mereka menghantarnya kepada anda atau tidak.

6. Carik maklumat sensitif

Jangan buang sebarang kertas yang mengandungi maklumat sensitif sebelum mengoyak atau mencarikkannya. Mereka yang berniat jahat sanggup 'menyelam' ke dalam sampah untuk mendapatkan maklumat seperti nombor akaun dan kata laluan.

Scammer juga akan menggunakannya untuk mengakses data anda atau mencuri identiti anda. Ingat, pastikan anda carikkan penyata bank, maklumat cukai dan maklumat-maklumat sulit yang lain.

7. Mendidik diri

Cara terbaik untuk melindungi diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan adalah dengan mendidik diri tentang penipuan itu dan sentiasa berwaspada dengan taktik-taktik baharu penipu yang menggunakan pelbagai helah untuk memerangkap anda.

- RELEVAN